



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
PENAWARAN PEKERJAAN DIKLANKAN DALAM TALIAN DI MALAYSIA
SUKU TAHUN PERTAMA 2023

Kekosongan jawatan diiklankan dalam talian mencatatkan peningkatan 3.5 peratus pada ST1 2023 dengan merekodkan 211,509 kekosongan

PUTRAJAYA, 19 JUN 2023 - Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyiarkan **Analisis Data Raya *Job Market Insights* dan *My Job Profile: Penawaran Pekerjaan Diiklankan Dalam Talian di Malaysia***, bagi suku tahun pertama 2023. Analisis suku tahunan ini memaparkan statistik yang disusun berdasarkan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian oleh beberapa portal pekerjaan swasta yang popular. Analisis ini juga menyediakan maklumat kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan secara dalam talian daripada pelbagai aspek seperti jenis pekerjaan, profil pekerjaan, aktiviti ekonomi, negeri dan kemahiran.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan kekosongan jawatan diiklankan dalam talian mencatatkan peningkatan sebanyak 3.5 peratus pada suku tahun pertama 2023 (ST4 2022: 7.5%) untuk merekodkan sejumlah 211,509 kekosongan (ST4 2022: 204,420). Pada suku ini, terdapat sebanyak 23,339 pertubuhan baharu yang menawarkan kekosongan jawatan berbanding 12,256 pertubuhan yang direkodkan pada ST4 2022. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, bilangan kekosongan jawatan mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 32.9 peratus berbanding 7.3 peratus pada ST4 2022 (**Carta 1**). Perincian secara bulanan menunjukkan majoriti kekosongan jawatan telah diiklankan pada Mac 2023 dengan 96,688 kekosongan merangkumi sumbangan sebanyak 45.7 peratus pada ST1 2023. Sementara itu, terdapat 65,297 dan 49,524 kekosongan masing-masing pada bulan Februari dan Januari 2023.

Bagi kekosongan jawatan mengikut kategori pekerjaan, hampir separuh daripada kekosongan jawatan tertumpu dalam Profesional dengan 47.9 peratus atau 101,214 kekosongan (**Paparan 1**). Ini diikuti oleh Juruteknik dan Profesional Bersekutu (17.5%), Pengurus (13.8%) dan Pekerja Sokongan Perkeranian (8.7%). Sebaliknya, pekerjaan paling popular pada suku ini dengan permintaan yang lebih tinggi adalah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif, Akauntan dan Juruaudit, Profesional Bersekutu Pentadbiran serta Pembangun Perisian.

Melihat kepada kekosongan jawatan mengikut keseluruhan sektor ekonomi, lebih separuh tertumpu kepada sektor Perkhidmatan, menyumbang 54.9 peratus atau 116,163 kekosongan pada ST1 2023 (**Paparan 2**). Berhubung analisis kekosongan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, bilangan tertinggi dicatatkan oleh Perdagangan Borong dan Runcit (35,956), diikuti oleh Pembuatan (21,499), Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal (13,852) dan Aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful (13,326).

Pekerjaan popular yang ditawarkan dalam kategori Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran yang mencatatkan kekosongan jawatan tertinggi (17,409). Ini diikuti oleh Profesional Bersekutu Pentadbiran (8,261) dan Pembangun Perisian (6,528). Sebaliknya, jawatan dengan permintaan tertinggi bagi kategori Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) ialah Juruteknik (2,005), Pengurus Projek (1,667) dan Jurutera Perisian (1,643). Bagi Senarai Pekerjaan Kritikal (COL), tiga (3) pekerjaan teratas ialah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran (17,409), Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif (9,335) dan Akauntan dan Juruaudit (8,605) seperti yang digambarkan pada **Paparan 3**.

Dari segi kekosongan jawatan di peringkat negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terus mencatatkan kekosongan jawatan tertinggi iaitu 62,727 pada suku tahun tersebut. Ini diikuti oleh Selangor dan Johor yang masing-masing mencatatkan 39,990 dan 12,150 kekosongan. Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan bilangan kekosongan jawatan terendah iaitu 125 iklan (**Paparan 4**).

Berkaitan dengan kemahiran yang paling diperlukan dalam pasaran buruh, memiliki kemahiran dan kecekapan dapat meningkatkan laluan kerjaya seseorang individu. Justeru, menurut statistik ini, kemahiran insani yang paling banyak diperlukan oleh majikan adalah Bahasa Inggeris, komunikasi, Bahasa Malaysia, pemasaran dan perancangan (**Paparan 5**). Sementara itu, Bahasa Mandarin, analisis, pemfailan, *Microsoft Office* dan pengurusan projek merupakan kemahiran teknikal yang paling diperlukan dalam tempoh tersebut. Justeru, untuk memastikan terus berdaya saing dalam pasaran buruh, pencari kerja hendaklah melengkapi diri dengan kemahiran yang diperlukan berdasarkan permintaan oleh majikan.

Analisis data raya ini bermanfaat kepada pengguna terutamanya golongan pencari kerja. Pencari kerja boleh mendapatkan informasi perincian mengenai penawaran pekerjaan diiklankan dalam talian di Malaysia melalui laman sesawang <http://www.dosm.gov.my/bda-jmi> dan <http://myjobprofile.dosm.gov.my>.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.


Carta 1: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian, ST3 2019 - ST1 2023




Paparan 1: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Pekerjaan, ST4 2022 - ST1 2023




Paparan 2: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Aktiviti Ekonomi, ST4 2022 - ST1 2023




Paparan 3: Kekosongan Jawatan Tertinggi Diiklankan dalam Talian mengikut TVET, STEM dan COL, ST4 2022 - ST1 2023



Paparan 4: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Negeri, ST4 2022 - ST1 2023



Paparan 5: Permintaan kemahiran insani dan kemahiran teknikal, ST1 2023



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 JUN 2023



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
JOB VACANCIES ADVERTISED ONLINE IN MALAYSIA
FIRST QUARTER OF 2023**

Job vacancies advertised online posted an increase of 3.5 per cent in Q1 2023 to record 211,509 vacancies

PUTRAJAYA, JUNE 19, 2023 - Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released **Big Data Analytics Job Market Insights and My Job Profile: Job Vacancies Advertised Online in Malaysia**, for the first quarter of 2023. The quarterly analysis features statistics compiled based on job vacancies advertised online by several popular private recruitment portals. The analysis also provides information on job vacancies offered by employers via online from various aspects such as job type, job profile, economic activity, state and skills.

According to the Department of Statistics Malaysia, the number of job vacancies advertised online posted an increase of 3.5 per cent in the first quarter of 2023 (Q4 2022: 7.5%) to record a total of 211,509 vacancies (Q4 2022: 204,420). During this quarter, there were 23,339 new establishments offering job vacancies as compared to 12,256 establishments recorded in Q4 2022. On a year-on-year basis, the number of job vacancies registered a double digit growth of 32.9 per cent as against 7.3 per cent in Q4 2022 (**Chart 1**). Further disaggregation by monthly basis showed that most of the job vacancies were posted in March 2023 with 96,688 vacancies which comprised a share of 45.7 per cent in Q1 2023. In the meantime, there were 65,297 and 49,524 vacancies in February and January 2023, respectively.

As for job vacancies by occupation category, almost half of the vacancies were concentrated in the Professionals with 47.9 per cent or 101,214 vacancies (**Exhibit 1**). This was followed by Technicians and Associate Professionals (17.5%), Managers (13.8%) and Clerical Support Workers (8.7%). On the other hand, the hottest jobs during the quarter with higher demand were Advertising and Marketing Professionals, Managing Directors and Chief Executives, Accountants and Auditors, Administrative Associate Professionals and Software Developers.

Looking at the job vacancies by overall economic sector, more than half were largely in the Services sector, accounted 54.9 per cent or 116,163 vacancies in Q1 2023 (**Exhibit 2**). Concerning the analysis of job vacancies by economic activity, the highest number was posted by Wholesale and Retail Trade (35,956), followed by Manufacturing (21,499), Professional, Scientific and Technical Activities (13,852) and Financial and Insurance/Takaful Activities (13,326).

Popular jobs offered in the Technical and Vocational Education and Training (TVET) category was Advertising and Marketing Professionals occupation which registered the highest number of vacancies (17,409). This was followed by Administrative Associate Professionals (8,261) and Software Developers (6,528). In contrast, the highest demand jobs for Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) category were Technician (2,005), Project Manager (1,667) and Software Engineer (1,643). As for the Critical Occupation List (COL), the top three (3) jobs were Advertising and Marketing Professionals (17,409), Managing Directors and Chief Executives (9,335) and Accountants and Auditors (8,605) as illustrated in **Exhibit 3**.

In terms of job vacancies at the state level, the Federal Territory of Kuala Lumpur continued to record the highest job vacancies at 62,727 during the quarter. This was followed by Selangor and Johor which registered 39,990 and 12,150 vacancies respectively. Federal Territory of Labuan recorded the lowest number of job vacancies with 125 advertisements (**Exhibit 4**).

Pertaining to the most in-demand skills in the labour market, having a valuable skills and competencies can increase the success of an individual career path. Hence, according to these statistics, the most in-demand soft skills stated by the employers are English, communication, Bahasa Malaysia, marketing and planning (**Exhibit 5**). Meanwhile, Mandarin, analysis, filing, Microsoft Office and project management were the top demanded hard skills during the period. Thus, in order to remain competitive in the labour market, jobseekers should equip themselves with the skills required based on demand by the employers.

The big data analytics is beneficial to users, especially job seekers. Job seekers can get detailed information on job offers advertised online in Malaysia through the website <http://www.dosm.gov.my/bda-jmi> and <http://myjobprofile.dosm.gov.my>.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release Preliminary GDP Estimates commencing the second quarter of 2023. This preliminary estimate is an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks in advance before the Quarterly GDP is released.

Chart 1: Job Vacancies Advertised Online, Q3 2019 - Q1 2023




Exhibit 1: Job Vacancies Advertised Online by Occupation, Q4 2022 - Q1 2023




Exhibit 2: Job Vacancies Advertised Online by Economic Activity, Q4 2022 - Q1 2023




Exhibit 3: Job Vacancies Advertised Online by TVET, STEM and COL, Q4 2022 - Q1 2023





Exhibit 4: Job Vacancies Advertised Online by State, Q4 2022 - Q1 2023



Exhibit 5: Most in-demand of soft skills and hard skills, Q1 2023



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
19 JUNE 2023